


KKM sentiasa tambah baik fungsi MySejahtera

Oleh Noor Atiqah Sulaiman - Ogos 18, 2021 @ 2:10pm
bhnews@bh.com.my



Gambar hiasan. - Foto fail NSTP

PUTRAJAYA: Kementerian Kesihatan (KKM) sentiasa menambahbaik fungsi yang terdapat dalam aplikasi MySejahtera bagi memudahkan pengguna di negara ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata antara fungsi yang ditambah baik ialah notifikasi sendiri bagi menjalankan ujian COVID-19 serta Perintah Pengawasan di Rumah (HSO) secara digital.

HSO secara digital ini ditambah baik bagi kegunaan pengembara bermula Jun tahun lalu, manakala kegunaan kes positif COVID-19 di negara ini pula ditambah baik pada Julai lalu.

"Selain itu, penambahbaikan juga dibuat kepada sistem pengesanan kontak kasual secara digital menggunakan teknologi kepintaran buatan (AI) bermula Mac lalu," katanya dalam ciapan di Twitter hari ini.

Menerusi ciapan berkenaan, Dr Noor Hisham turut berkongsi video Ketua Penolong Pengarah Kanan Sektor Pengurusan Bencana, Wabak, Krisis dan Kecemasan KKM, Dr A Maheswaras yang menceritakan lebih lanjut berkaitan penambahbaikan yang dibuat oleh pihaknya.

Dr Maheswaras berkata, ketika ini KKM sedang giat memperkenalkan fungsi baharu dalam aplikasi berkenaan dan antaranya ialah HSO secara digital yang akan diberikan kepada setiap kes positif COVID-19 yang dikesan di negara ini.

"Selain itu, KKM juga sedang memperkasakan penggunaan kit ujian sendiri COVID-19 supaya masyarakat dapat menjalankan ujian menggunakan kit berkenaan yang boleh diperolehi daripada farmasi.

"Bagi individu yang melakukan ujian sendiri, mereka perlu melaporkan keputusan ujian terbabit dan sekiranya positif mereka seharusnya menjalankan HSO serta perlu memberikan maklumat mengenai semua kontak rapat mereka.

"Kita harapkan ia dapat melakukan pengesanan kontak rapat lebih jitu dan tepat yang secara langsung dapat mengurangkan kes di lapangan," katanya.

Sementara itu, Dr Maheswaras berkata, berkemungkinan kini ramai pengguna MySejahtera menerima notifikasi sebagai Kontak Kasual yang tertera di dalam aplikasi berkenaan.

"Kita menggunakan kaedah AI yang diperkenalkan beberapa bulan lalu, individu yang mendapat notifikasi sebagai Kontak Kasual ini adalah disebabkan dia dikesan terdedah dengan mana-mana kes positif COVID-19 di negara ini," katanya.